

MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG PIBG KEBANGSAAN KPM

19/04/2014

MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK SERDANG (MAEPS), SERDANG, SELANGOR.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

selamat sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan berkat limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Konvensyen dan Anugerah PIBG Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2012/2013.

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Pengelola, atas kejayaan menganjurkan majlis seumpama ini.

3. Majlis Anugerah PIBG Kebangsaan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada kepimpinan PIBG yang telah membuktikan kemampuan mengurus PIBG dengan berkesan dan berkualiti.

4. Penganugerahan ini menjadi pemangkin kepada PIBG di seluruh negara untuk terus meningkatkan kualiti pengurusan PIBG dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan membangunkan modal insan yang berkualiti dan berkeترampilan melalui sistem persekolahan secara holistik.

"PIBG PENGGERAK KECEMERLANGAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA"

5. Penganjuran konvensyen yang bertemakan "PIBG Penggerak Kecemerlangan Transformasi Pendidikan Negara" ini amat bertepatan dengan Anjakan 9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.

6. Saya yakin PIBG yang aktif membuktikan bahawa ibu bapa juga turut sama menghayati PPPM yang dirancang untuk bagi meningkatkan kecemerlangan dan keberhasilan anak-anak kita.

7. Pada masa ini, penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak dan sekolah berlaku secara semula jadi memandangkan hanya satu perempat daripada masa anak-anak dihabiskan di sekolah.

8. Namun, dengan perubahan zaman dan cabaran semasa, kita perlu usahakan secara bersepadu dan bersungguh-sungguh untuk melakukan anjakan daripada “pembelajaran berasaskan sekolah” kepada “pembelajaran berasaskan sistem” dengan melibatkan ibu bapa, komuniti, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan dalam membantu pembelajaran murid.

9. Anak adalah umpama intan permata yang amat berharga kerana mereka penentu masa depan ke arah negara berpendapatan tinggi seperti yang diharapkan.

10. Demi mencapai hasrat ini, dua sarana telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu sarana ibu bapa dan sarana sekolah, untuk menyatukan setiap pihak berkepentingan bagi memberi tumpuan kepada modal insan yang berharga ini. Pelaksanaan sarana ini akan membantu masa depan lebih 5.14 juta murid di lebih 10,000 sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

11. Bagi memastikan pelaksanaan Sarana Ibu bapa dan Sarana Sekolah berjalan lancar, Kementerian telah mengatur beberapa langkah di peringkat awal untuk memberi pendedahan dan pemahaman dalam kalangan guru dan ibu bapa sendiri.

12. Jurulatih Utama Sarana telah mengendalikan program latihan berkaitan penglibatan ibu bapa kepada lebih 332,000 guru di 8,753 buah sekolah dan melibatkan lebih 2.2 juta ibu bapa di 9,023 buah sekolah di seluruh negara.

13. Selain itu, sistem pengumpulan data penglibatan ibu bapa dalam talian turut dibangunkan secara bersepadu bagi memantapkan pengurusan di peringkat pusat.

14. Saya pasti Sarana Ibu bapa ini memberi kesan yang baik kepada situasi pembelajaran anak-anak serta pengajaran guru di sekolah. Elemen utama yang ditekankan dalam sarana tersebut adalah suasana pembelajaran, interaksi sosial dengan anak, komunikasi dengan anak, dan sokongan terhadap kecemerlangan anak.

15. Sarana ini diperluaskan bagi memastikan interaksi ibu bapa dengan anak-anak berada pada tahap maksimum sekali gus memberi peluang ibu bapa menyumbang idea, tenaga, kepakaran dan kewangan kepada sekolah.

16. Melalui Sarana Sekolah pula, peranan PIBG diupayakan untuk menggerakkan ibu bapa melalui Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) yang ditubuhkan agar dapat merapatkan hubungan antara ibu bapa, murid dan sekolah.

17. Sehingga kini, sebanyak 62.3 peratus KSIB telah ditubuhkan di sekolah menengah manakala 60.3 peratus di sekolah rendah seluruh negara. Melalui KSIB ini lebih banyak interaksi, perkongsian dan percambahan ilmu dapat dijalankan bagi membantu pihak sekolah melaksanakan aktiviti sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berpandukan perlembagaan PIBG sedia ada serta menjadi pengantara antara ibu bapa dengan pihak pentadbir sekolah untuk menangani isu atau permasalahan murid dalam menjalani proses pembelajaran.

18. Hubungan sinergi yang padu dan jaringan komunikasi yang baik antara pentadbir sekolah dengan PIBG mampu melonjakkan keberhasilan yang memberi manfaat bersama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH PIBG CEMERLANG

19. Berdasarkan kriteria pemilihan anugerah PIBG cemerlang, saya dapat melihat perkembangan positif di bawah program sarana ini apabila terdapat ibu bapa yang prihatin dan datang melawat bilik darjah, meninjau secara dekat perkembangan anak-anak mereka dan melihat keperluan yang masih kurang di sekolah.

20. Saya berasa gembira apabila diberitahu bahawa ada ibu bapa yang dengan sukarela menghias dan menceriakan bilik darjah dan juga asrama murid hinggakan sanggup membaiki kerosakan meja, kerusi dan komputer, memasang langsir sendiri serta mengecat dan menyelenggara taman di persekitaran sekolah.

21. Saya amat teruja apabila mendapat tahu ada ibu bapa yang menggunakan

kepakaran istimewa mereka untuk merealisasikan hasrat PPPM dalam menjayakan anjakan kedua iaitu memastikan murid menguasai kemahiran dalam bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan.

22. Penglibatan ibu bapa sebagai sukarelawan KSIB yang mengajar guru dan murid dalam bahasa dan kebudayaan Jepun di luar masa PdP patut dijadikan teladan agar hasrat PPPM tercapai mengikut tempoh yang ditetapkan.

23. Ibu bapa yang berada dalam bidang perubatan, kejuruteraan, statistik, reka bentuk, pertanian moden dan lain-lain bidang kerjaya boleh juga menyalurkan kepakaran mereka kepada kumpulan yang akan menjadi pemimpin masa depan iaitu anak-anak kita di sekolah.

24. Selain itu, ada juga yang menganjurkan pertandingan sukan dan permainan amal sekolah, kenduri PIBG dan murid, kelas malam, aktiviti keceriaan dan mengadakan lawatan penanda aras ke luar negara. Ini membuktikan pelaksanaan sarana secara sistematik dan berkesan melalui KSIB yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu mampu mengubah landskap pendidikan dalam komuniti setempat.

25. Ibu bapa yang prihatin turut terlibat mengambil berat masalah disiplin di sekolah dan membantu meringankan beban tugas guru sekali gus mengatasi masalah ini. Jika ibu bapa sama-sama menangani masalah disiplin murid, sudah pasti guru dapat memberi tumpuan kepada PdP di bilik darjah.

PERANAN RAKAN KONGSI DALAM PENDIDIKAN (RAKAN STRATEGIK)

26. PIBG cemerlang sudah tentu berupaya memainkan peranan dalam memilih rakan strategik seperti pihak yayasan, koperasi dan persatuan alumni yang membantu melaksanakan program pembangunan sosial dan sahsiah murid.

27. Peranan komuniti dan sektor swasta dalam pendidikan juga tidak kurang pentingnya seperti usaha menambah baik keperluan asas pendidikan, membantu orientasi semula proses pembelajaran dan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kecemerlangan anak-anak dalam pendidikan.

28. Antara program usahasama oleh pihak komuniti dan swasta yang boleh dilakukan adalah program pendidikan kewangan, program keusahawanan, program pengukuhan bahasa Inggeris, program sekolah angkat, program sains dan teknologi serta program keselamatan jalan raya.

29. Selain usahasama pihak komuniti dan swasta, penglibatan dan rasa tanggungjawab pelbagai agensi seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) juga diperlukan dalam membentuk sahsiah anak murid kita ini. Pada masa yang sama, pembabitan masyarakat setempat dan syarikat milik kerajaan (GLC) juga amat digalakkan dalam menghulurkan bantuan dari sudut luahan idea, pendapat dan bantuan kewangan.

30. Dewasa ini, peranan Yang Dipertua PIBG merupakan satu tugas yang mencabar dalam membantu sekolah memberi pendidikan berkualiti bagi melahirkan modal insan cemerlang berdasarkan Aspirasi Pendidikan Negara.

31. PIBG cemerlang sudah tentulah dipimpin oleh Yang DiPertua PIBG cemerlang kerana berjaya bertindak bijak sebagai jambatan penghubung antara sekolah dan ibu bapa serta berjaya meraih sokongan, penglibatan dan sumbangan sama ada dalam bentuk idea, tenaga, masa, moral dan material daripada semua pihak dalam menjana keberhasilan murid serta kejayaan sekolah.

32. Saya yakin PIBG yang mantap telah sedia merangka pelan strategik jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan hubungan baik ini berterusan. Bahkan PIBG ini juga telah menyediakan pelan strategik komprehensif yang tersendiri bagi memastikan modus operandi pendidikan seiring dengan perancangan pihak sekolah dan komuniti setempat.

PENGANUGERAHAN PIBG CEMERLANG

33. Saya amat bersetuju Anugerah PIBG Cemerlang Peringkat Kebangsaan ini diberi sebagai mengiktiraf dan menghargai segala usaha serta penat lelah PIBG yang jelas terbukti mampu mengurus persatuan dengan berkesan dan berkualiti.

34. Saya percaya majlis penganugerahan kali ini mampu menjadi penggerak kepada PIBG seluruh negara untuk terus meningkatkan kualiti pengurusan PIBG dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan membangunkan modal insan yang cemerlang mengikut acuan sendiri.

35. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berbahagia Datuk KPPM sebentar

tadi, saya turut melahirkan rasa bangga kerana PIBG telah menunjukkan peningkatan kualiti berbanding tahun sebelumnya. Sudah pastinya pertandingan ini adalah lebih sengit kerana standard pencapaian adalah tinggi berdasarkan penilaian yang dilaksanakan dari pelbagai peringkat.

36. Saya juga berharap agar pada masa akan datang, PIBG yang ada ini mampu terus bersaing secara sihat antara satu sama lain. Pelbagai maklumat dan amalan terbaik dalam pengurusan PIBG wajar dikongsi bersama, khususnya pembaharuan dalam program PIBG.

37. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para penerima anugerah cemerlang PIBG kali ini. Semoga anugerah ini terus menjadi momentum penggerak kepada PIBG yang lebih berkualiti di masa hadapan.

38. Sama-samalah kita berusaha memastikan pendidikan negara terus berkualiti selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

39. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Konvensyen dan Anugerah PIBG Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia 2012/2013.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.